

**TEKS UCAPAN PERASMI  
YANG BEHORMAT  
DATUK TECHNOLOGIST MUSTAPHA SAKMUD  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH SUKAN (MAS) 2023  
20 FEBRUARI 2024  
8.30 MALAM  
DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR, UiTM**

Bismillahirrahmanirrahim.  
Alhamdulillah Robbil 'Aalamiin  
Wasolaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaa'i Wal Mursaliin,  
Wa 'Alaaalihi Wasohbihi Ajma'In.

## **(SALUTIASI TERKINI)**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana kita semua dapat bersama-sama dalam majlis pada hari ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM atas kesudian menjemput saya ke MAJLIS ANUGERAH SUKAN UiTM 2023.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

2. Pastinya, penganjuran majlis pada hari ini bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan atlet dan warga sukan UiTM yang terdiri daripada atlet universiti dan kebangsaan, jurulatih dan pihak pengurusan pasukan, yang telah berkorban masa dan tenaga demi menaikkan nama universiti seterusnya negara di seluruh dunia.

Serangkap pantun dari saya...

Letih berjalan di tengah pekan,  
Singgah sebentar di gerai Cik Siti,

Terima kasih saya ucapkan,  
Atas segala curahan jasa dan bakti.

3. Seperti semua maklum, UiTM bukanlah nama yang asing di dalam arena sukan negara kerana atlet dan pasukan UiTM yang menyertai pelbagai jenis sukan sering terpampang di dada - dada akhbar tempatan melalui laporan kemenangan dan pencapaian dalam pertandingan yang telah disertai. Kelibat atlet UiTM bukan sahaja di peringkat kebangsaan bahkan turut menganggotai skuad negara di kejohanan antarabangsa seperti Temasya Sukan Asia dan kejohanan jemputan antarabangsa. Lebih membanggakan, pingat – pingat yang diraih di kejohanan –kejohanan tersebut adalah diperolehi daripada himpunan atlet - atlet UiTM.
4. Saya juga sedia maklum di atas pencapaian yang baik oleh pasukan bola sepak UiTM, pasukan hoki dan pasukan futsal yang terlibat secara konsisten di dalam liga – liga kebangsaan beserta pencapaian yang baik. Penglibatan di dalam liga – liga kebangsaan ini jelas membuktikan bahawa UiTM serius untuk terlibat di dalam bidang sukan dan bukan sekadar menyertainya bahkan terus bersaing untuk mencabar kejuaraan dari pasukan – pasukan utama.

## **Hadirin yang dihormati,**

5. Tidak dapat dinafikan, pencapaian gemilang UiTM ini adalah hasil kerjasama semua pihak sama ada atlet, jurulatih, pengurusan pasukan dan juga pengurusan universiti. Berdasarkan pencapaian serta statistik bilangan atlet negara di universiti awam, dapatlah disimpulkan bahawa universiti bukanlah kubur kepada atlet tetapi tempat untuk menimba ilmu akademik dan ilmu dalam bidang sukan. Selain itu universiti turut memainkan peranan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet kebangsaan melalui kajian dan penyelidikan saintifik sains dan teknologi sukan yang telah dibuat untuk meningkatkan prestasi atlet dan pasukan negara.
  
6. Saya percaya program pembangunan yang disediakan untuk atlet – atlet UiTM bukan sekadar pembangunan fizikal semata-mata, bahkan untuk membentuk 'Thinking Athlete' supaya mereka menjadi atlet yang bijak mengurus diri secara profesional sebelum, semasa dan juga selepas pertandingan. Atlet yang bijak biasanya lebih tenang mengawal emosi dan juga cekap merancang strategi

ketika menghadapi lawan di dalam pertandingan. Selain itu atlet yang bijak tahu merancang gaya hidup bersesuaian dengan peranan sebagai pelajar dan juga sebagai atlet terutama apabila perlu menghadiri kelas, latihan sukan dan juga pertandingan. Pembahagian masa perlu dibuat dengan penuh berdisiplin supaya atlet pelajar ini boleh berjaya di kedua – dua lapangan akademik dan sukan.

7. Saya juga percaya, pensyarah – pensyarah di UiTM lebih fleksibel di dalam menangani situasi atlet pelajar kerana mereka merupakan individu istimewa yang telah mengorbankan masa dan jiwa mereka untuk sukan yang diceburi. Dengan jadual latihan dan pertandingan yang ketat, adalah mustahil atlet ini dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam akademik seperti pelajar sepenuh masa. Tanpa sistem pembelajaran fleksibel pastinya atlet- atlet ini akan menghadapi kesukaran di dalam membahagikan masa kuliah dan komitmen sukan sama ada latihan mahupun pertandingan.
8. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan jaringan yang dibuat oleh UiTM melalui perjanjian persefahaman dengan pihak-pihak luar untuk sumbangan tajaan dan program pembangunan sukan UiTM, merupakan salah satu usaha

yang amat positif. Dengan sokongan – sokongan sebegini pastinya aktiviti pembangunan sukan di UiTM dapat diteruskan demi meningkatkan pencapaian sukan negara.

9. Akhir kata, saya berharap agar UiTM akan sentiasa meneruskan momentum pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan khususnya pencapaian sukan negara.

10. Dengan lafaz *Bismillah*hirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan **MAJLIS ANUGERAH SUKAN UiTM 2023**.

Sekian, terima kasih.